

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

YMT 201/NKM 015 - Teori Komunikasi

Masa: [3 jam]

---

Jawab soalan no.1 dan DUA (2) soalan lain.

1. Penghasilan dan perkembangan teori-teori komunikasi harus dilihat dalam konteks perkembangan masyarakat. Bincangkan pandangan ini.  
(40 markah)
  
2. Apakah sumbangan "reception studies" terhadap perkembangan kajian khalayak? Sejauh manakah benarnya dakwaan bahawa "reception studies" hanya lanjutan pendekatan kegunaan dan kepuasan (uses and gratifications)?  
(30 markah)
  
3. Dengan menyediakan contoh-contoh dari Malaysia, nilaikan adakah penting siapa yang memiliki dan menguasai media?  
(30 markah)
  
4. Bincangkan dakwaan bahawa kegunaan media untuk pembangunan seperti yang dicadangkan oleh ahli-ahli "diffusionist" seperti Schramm, Rogers, Sulaiman, Shawaluddin dan Ramli tidak mengambilkira soalan-soalan dan masalah-masalah yang lebih luas tentang struktur dan hirarki masyarakat.  
(30 markah)

...2/-

5. Perkembangan sistem komunikasi antarabangsa harus dikaji dalam konteks perkembangan imperialisme dan kaitannya dengan kolonialisme dalaman. Bincangkan pandangan ini dengan menyediakan contoh-contoh yang jelas.  
(30 markah)
  
6. Penganalisisan institusi dan bahan media secara kuantitatif dan diskriptif sahaja tidak dapat memahami bahawa media adalah arena pergelutan (site for contestation). Bincangkan pendapat ini berasaskan konsep-konsep autonomi relatif (relative autonomy) dan hegemoni.  
(30 markah)

-oooOooo-